

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[SIK - BN ]**

**SOALAN NO. 183**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan masalah obesiti di Malaysia, adakah senaman di sekolah atau universiti diberikan keutamaan, dan adakah fasiliti untuk bersukan ringan seperti badminton, sepak takraw, bola jaring, senaman aerobik, gym rakyat disediakan di kawasan pedalaman.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mengurangkan obesiti di Malaysia adalah dengan melaksanakan program-program kecergasan, rekreasi dan sukan massa di pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat di seluruh Negara. Sebagai contoh, program Fit Malaysia yang dilaksanakan di seluruh negara telah berjaya memberi kesedaran dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk sentiasa bersenam, cergas dan mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang masa.
2. Pada tahun ini sebanyak 1,892 program sukan telah dirancang dan akan dilaksanakan di seluruh negara dengan sasaran penyertaan sebanyak 146,325 penyertaan. Program-program yang dilaksanakan merangkumi elemen sukan kecergasan, sukan OKU, FitMalaysia@community, Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), sukan pemotoran, sukan rekreasi dan sukan ekstrem.
3. Sebagai tambahan, Kementerian ini telah menyediakan pelbagai fasiliti sukan di seluruh negara seperti 14 buah Kompleks Belia dan Sukan, 81 Gym 1Malaysia dan 1,892 gelanggang futsal. Selain itu, Kementerian ini juga mendapat sokongan penuh daripada pelbagai pihak seperti swasta dan kerajaan tempatan yang sentiasa menitikberatkan dalam menyediakan kemudahan sukan bagi kegunaan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN WONG CHEN**  
**DARIPADA [ KELANA JAYA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan murid yang tercicir daripada sekolah rendah dan bilangan murid yang tercicir daripada sekolah menengah dari tahun 2012 ke 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peratus keciciran murid di sekolah rendah dan menengah bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

a) Sekolah Rendah

<b>Tahun</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
<b>Peratus Cicir</b>	0.27	0.25	0.39	0.83	0.36

b) Sekolah Menengah

<b>Tahun</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
<b>Peratus Cicir</b>	2.43	2.67	2.97	4.77	1.50